

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	25/08/2017B

## Dr. M sedia jadi saksi

UM - 25/8/2017 pg. 10

**PUTRAJAYA 24 Ogos** - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan kesediaannya untuk memberi keterangan kepada Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyalut kes kerugian akibat urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar tahun 1990-an.

Bekas Perdana Menteri itu mengakui skandal kerugian tersebut melibatkan kerugian besar dan beliau mengetahui banyak perkara mengenai skandal berkenaan yang dapat dikongsi dengan suruhanjaya berkenaan.

"Kita juga telah membuat permohonan untuk dipanggil bagi memberitahu apa yang kita tahu.

"Saya mesti mengakui, saya mengetahui banyak perkara yang mungkin menarik perhatian suruhanjaya untuk tahu apa yang saya ketahui," katanya kepada pemberita di Istana Kehakiman di sini hari ini.

Dr. Mahathir hari ini hadir di tempat duduk awam bagi mengikuti prosiding suruhanjaya ber-

kenaan di Istana Kehakiman pada pukul 9.05 pagi sebelum beredar 10.40 pagi.

Menurut Dr. Mahathir, beliau hadir ke prosiding hari ini kerana ingin melihat sendiri sama ada suruhanjaya berkenaan mencerminkan status RCI, selain memenuhi segala undang-undang dan prosedur.

Dalam pada itu katanya, beliau mengalu-alukan RCI ditubuhkan bagi menyalut tragedi berdarah Memali pada 19 November 1985 di Baling, Kedah.

Menurutnya, beliau mempunyai banyak bukti yang boleh diserahkan sekiranya RCI berkenaan ditubuhkan.

"Saya ada banyak bukti Memali kerana masa itu saya ialah Perdana Menteri walaupun pada tempoh peristiwa itu Tun Musa Hitam pemangku Perdana Menteri," katanya.

Isu Memali muncul kembali apabila Dr. Mahathir seolah-olah enggan menjawab soalan berkaitannya yang dibangkitkan dalam forum *Nothing to Hide 2.0* di Shah Alam baru-baru ini.